

16 NOV 1997

Nik Aziz-sokong

NIK AZIZ MINTA SEMUA PIHAK BERSATU SOKONG DR MAHATHIR

KOTA BAHARU, 16 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat meminta pemimpin dan rakyat mengetepikan sebarang perbezaan pendapat dan sebaliknya bersatu menentang tindakan sekumpulan anggota Kongres Amerika Syarikat untuk mencampuri urusan negara ini.

"Kalau orang luar nak kacau kita, kita kena bersatu...kita kena ajar Amerika bahawa ini adalah hak asasi manusia dan atas soal apapun, orang luar tidak boleh ganggu kita, dan kitapun tidak ganggu Amerika," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Nik Aziz berkata kenyataan sokongan beliau terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini adalah ikhlas dan meminta semua pihak bersatu tenaga kerana ia membabitkan maruah dan kepentingan negara.

Katanya Pas sanggup mengetepikan perbezaan politik dalam menyatakan sokongan terhadap kerajaan bagi menjaga kepentingan rakyat dan negara serta memastikan Amerika Syarikat "tidak mengganas dan bermaharajalela" dengan cuba mengganggu kententeraman negara.

Khamis lepas, semua Menteri Besar dan Ketua Menteri termasuk Nik Aziz menandatangani resolusi yang menyatakan bantahan terhadap tindakan anggota kongres Amerika itu yang cuba mendesak Dr Mahathir meletak jawatan.

Ketika ditanya sama ada sokongannya itu bercanggah dengan pegangan politik Pas, Nik Aziz yang juga Murshid Am Pas, berkata tindakannya itu wajar kerana walaupun ia musuh politik Umno, Pas tidak semestinya menentang semua perkara yang dibuat oleh pemimpin Umno.

"Tidak semua yang Pas buat itu Umno kena lawan dan tidak semua yang Umno buat Pas kena lawan, mesti ada titik pertemuan...jika tidak begitu orang akan panggil kita keras kepala," katanya.

Mengenai terdapat beberapa pihak dalam Pas yang tidak bersetuju dengan tindakannya itu, Nik Aziz berkata ia berlaku kerana ada anggota Pas yang keliru kerana belum mendapat maklumat sebenar, tetapi hasil penjelasan bahawa langkah itu dibuat bagi kepentingan negara, mereka menerima dan menyokongnya.

Berhubung undangan kerajaan negeri Perlis yang menjemputnya menyampaikan ceramah mengenai usaha membendung perpecahan umat Islam di negeri itu, Nik Aziz berkata beliau sudi menerimanya.

Jumaat lepas Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim berkata undangan itu disampaikan kepada Nik Aziz ketika menghadiri perjumpaan Menteri Besar dan Ketua Menteri di Kuala Lumpur, sebagai usaha menjalin hubungan rapat dengan kerajaan negeri Kelantan.

Di MELAKA, Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM) Datuk Suhaimi Ibrahim berkata majlis itu akan menggerakkan 1.8 juta orang anggotanya pada satu perhimpunan raksasa di ibu negara jika Kongres Amerika menerima usul meminta Dr Mahathir meletak jawatan.

Perhimpunan itu ialah untuk membuktikan sokongan rakyat kepada Dr Mahathir dan menyatakan bantahan terhadap tindakan biadap anggota-anggota Kongres yang terlibat, katanya kepada pemberita di sini.

Suhaimi berharap anggota kongres berkenaan menarik balik draf usul berkenaan. -- BERNAMA

RAR NO MAI